

**PATUK GUNUNG**  
Blue Nuthatch

FAMILI: Sittidae  
NAMA SAINTIFIK: *Sitta azurea*



**CIRI-CIRI**

Bagi burung dewasa sub-spesies *S.a.expectata*, ia mudah untuk dikenali melalui pewarnaan hitam yang berbeza dengan bahagian tekak dan dada yang berwarna putih, cincin mata yang agak lebar yang berwarna putih kebiruan, dan corak pada bahagian sayap yang berwarna biru perak dan hitam. Selain itu, terdapat comotan yang berwarna biru keunguan pada bahagian atas badan, bahagian atas kepala, belakang kepala, dan bulu penutup telinga yang berwarna hitam, manakala bahagian penutup bulu ekor bahagian bawah yang berwarna kelabu biru, serta bahagian paruh yang berwarna pucat dan hujung paruh yang gelap. Bagi burung juvenil, ia menyerupai burung dewasa tetapi bahagian paruh berwarna kehitaman dan terdapat warna merah jambu pada dasar paruh, bahagian atas kepala dan bulu penutup telinga yang mempunyai comotan berwarna coklat, manakala bahagian bulu penutup ekor bahagian bawah menunjukkan hujung dan sempadan yang berwarna keputihan. Panjang keseluruhan adalah 13.5 sm.

**MAKANAN**

Ia menggemari serangga dan labah-labah, namun kadang-kadang, ia juga memakan biji-bijian dan juga kecacang.

**HABITAT**

Ia mendiami kawasan hutan dipterokap pada ketinggian antara 820 m-2,180 m dari aras laut.

**BUNYI**

Ia mengeluarkan bunyi yang halus **zhe** (kadang-kadang berganda), bunyi dari rongga hidung **snieu** atau **kneu**, bunyi mendayu **tup**, bunyi terkejut **whit**, bunyi halus **sit** dan bunyi **chit** yang agak kuat. Sekiranya merasa tidak selesa, ia akan mengeluarkan bunyi yang pendek, berulang dan pantas **chi-chit chit-chit-chit** atau **chir-ri-rit**, dan kadang-kadang dalam siri yang sangat cepat yang meningkat kepada bunyi **titititititik** atau bergetar **tr'rrrr't**.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakan adalah dari bulan Mei hingga Jun setiap tahun dengan burung betina menghasilkan 3-4 biji telur di dalam sarang seperti alas yang terletak di dalam rongga pokok.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.